

Lelaki mengaibkan kehormatan wanita dipenjara selepas gagal bayar denda

SIBU: Seorang lelaki berusia 20 tahun didenda RM3,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret Sibu, semalam selepas mengaku bersalah mengaibkan kehormatan seorang wanita dengan mengintai dan merakam mangsa yang sedang mandi.

Majistret Oon Kork Chern menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Leanard Lenggie dari Kapit, yang diperintahkan menjalani hukuman penjara apabila gagal membayar denda berkenaan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Tertuduh mengaku melakukan kesalahan itu kira-kira jam 7.30 malam pada 9 Jun di sebuah bilik air di tingkat satu sebuah premis di Jalan Tunku Abdul Rahman, Sibu.

Menurut pertuduhan, dia dengan sengaja berniat mengaibkan kehormatan seorang wanita berusia 20 tahun dengan mengintai dan merakam video mangsa ketika sedang mandi dalam keadaan tidak berpakaian serta berniat supaya perbuatannya itu mencerooboh privasi mangsa.

Berdasarkan fakta kes, pengadu sedang mandi di bilik air rumah sewa yang didiaminya apabila menyedari seorang penyewa lelaki sedang mengintainya dari bilik air bersebelahan.

Pengadu berasa takut, terganggu dan berasa privasinya telah dicabuli akibat kejadian tersebut.

Mangsa kemudian membuat laporan polis.

Lelaki mengaibkan kehormatan wanita dipenjara selepas gagal bayar denda

► Dari Muka 1

Hasil siasatan mendapati pengadu turut melihat sebuah telefon bimbit yang diletakkan menghala ke arahnya ketika dia berada dalam keadaan tidak berpakaian.

Selepas menyedari kejadian itu, mangsa menjerit sehingga menarik perhatian seorang

saksi yang kemudian melihat seorang lelaki melarikan diri dari kawasan bilik air menuju ke sebuah bilik.

Saksi tersebut turut mengesahkan bahawa dia mendengar jeritan mangsa dan melihat seorang lelaki keluar dari kawasan bilik air sebelum berlari ke arah sebuah bilik.

Saksi mengenal pasti lelaki

itu sebagai jiran yang tinggal di bilik bersebelahan.

Tertuduh ditahan pada 11 Jun kira-kira jam 12.55 pagi dan pihak polis merampas dua buah telefon pintar.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Keshava Rao Tharma Raja manakala tertuduh tidak diwakili peguam.